


Lonjak dagangan intra-BRICS, bentuk orde antarabangsa lebih seimbang, adil

BERITA HARIAN 07 JUL 2025 mjd:4

PM suarakan kekecewaan mengenai tindakan tarif unilateral, dasar perlindungan

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my
di Rio De Janeiro



Anwar berucap pada Forum Perniagaan BRICS di Rio De Janeiro, semalam.

(Foto PMO)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta supaya ada lonjakan perdagangan intra-BRICS, sekaligus menjadikan BRICS muncul sebagai satu kuasa yang kuat dan berprinsip, bertekankan keadilan, saling menghormati serta komitmen bersama untuk membentuk orde antarabangsa yang lebih seimbang dan adil.

Beliau menyatakan keyakinan bahawa BRICS, yang kini membentuk hampir 40 peratus daripada ekonomi global, memiliki potensi besar untuk melonjakkan perdagangan dalam kalangan negara anggotanya.

Beliau juga menyuarakan kekecewaan mengenai tindakan tarif unilateral dan dasar perlindungan.

“Berasaskan kekuatan kolektif ini, kita boleh bekerjasama dengan dunia secara terjamin, saksama dan adil, serta berunding

berlandaskan terma-terma setara dengan semua rakan dalam sistem multilateral,” katanya berucap di Forum Perniagaan BRICS bertajuk ‘Menghubungkan Benua, Membina Masa Depan: Agenda Bersama untuk Kemajuan Mampan’ di sini.

Perdana Menteri berada di sini atas jemputan Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17.

Yang turut hadir ialah Lula; Naib Presiden Brazil, Geraldo Alckmin dan Presiden Konfederasi Industri Kebangsaan (CNI) Brazil, Ricardo Alban.

Anwar turut menekankan keperluan untuk mereformasi ins-

titusi antarabangsa utama.

“Kita perlu menuntut transformasi struktur tadbir urus global, merangkumi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Perdagangan Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia ke arah ‘orde multilateral’ yang lebih demokratik dan adil,” katanya.

Perdana Menteri berkata, negara membangun tidak lagi wajar dianggap sebagai pemain pinggir dalam sistem global.

“BRICS hari ini melangkaui retorik politik. Ia adalah gabungan kuasa politik, ekonomi dan masyarakat sivil yang bergerak seiring dalam menuntut sistem global yang lebih adil dan saksama,”

kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata anggota BRICS dan ASEAN juga perlu terus mempererat kerjasama strategik, termasuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan rentas rantau demi manfaat bersama negara-negara membangun.

BRICS 2025 bukan sekadar kesinambungan usaha lalu sebaliknya detik kebangkitan baharu, katanya.

Anwar juga berkata, langkah ASEAN menggunakan mata wang tempatan dalam kalangan negara anggotanya adalah sebagai usaha mengukuhkan sistem kewangan dan bebas daripada dominasi unilateral.

Beliau berkata, ia sebahagian daripada langkah bagi mereformasikan ASEAN yang sebelum ini tertumpu kepada usaha meningkatkan perdagangan sesama sendiri.

“Malaysia dengan Indonesia, Malaysia dengan Thailand dan bersama-sama dengan China, kita mula menggunakan mata wang tempatan kita sendiri, walaupun ia bermula dengan hanya 10 atau 20 peratus daripada jumlah perdagangan.

“Ia membawa perubahan kerana kita tidak boleh berterusan merungut tanpa melaksanakan rancangan sendiri,” katanya.

Teroka pasaran baharu

Sementara itu, berucap pada majlis makan malam yang dihoskan Yinson Production, di sini, Perdana Menteri menyeru syarikat Malaysia untuk bersedia meneroka pasaran baharu dan mencari peluang di luar negara.

Menurut beliau, mereka tidak boleh hanya bergantung kepada pasaran sedia ada semata-mata, sebaliknya perlu meneroka pasaran baharu.

Tambahnya platform seperti BRICS menawarkan peluang yang amat besar dan memuji syarikat Malaysia seperti PETRONAS dan Yinson Production atas kejayaan usaha niaga mereka di Brazil.

“Saya menyebut mengenai Yinson dan PETRONAS kepada beliau, dan peranan mereka di Brazil. Beliau terkejut dan menanyakan lebih lanjut tentang hal itu,” katanya.